



**ALBUM:** Jalaluddin (tiga kiri), Amir (tiga kanan), Dr. Mohd. Hanafi (dua kiri) dan Dr Muzaffar (kiri) bergambar bersama selepas mengadakan perbincangan di Pejabat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, baru-baru ini.

## Usaha jadikan Labuan Hab Pendidikan Negara

UB 10.12.2021 P.06

**LABUAN:** Langkah menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai salah sebuah Hab Pendidikan negara dipergiat Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan membawa masuk 1,000 pelajar antarabangsa mulai tahun depan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata langkah itu akan menarik lebih ramai pelancong antarabangsa ke pulau bebas cukai itu.

Dalam satu kenyataan, beliau memaklumkan, perbincangan mengenai

perkara itu telah dibuat bersama Pengerusi Perbadanan Labuan, Dato' Sri Amir Hussien dan wakil Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), di pejabatnya di ibu negara, baru-baru ini.

UMSKAL dwakili Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), Prof. Madya Ts. Dr. Mohd. Hanafi Ahmad Hijazi dan Timbalan Dekan (Pascasiswazah dan Pengantarabangsaan), FKI, Dr Muzaffar Hamzah.

Jalaluddin berkata inisiatif itu bermula dengan tumpuan terhadap golongan sasaran

antarabangsa dari Indonesia, namun setelah infrastruktur dan polisi berkaitan telah dibangunkan, sasaran akan semakin berkembang dan merangkumi banyak negara prospek seperti China, India, Thailand dan Vietnam.

Tambah beliau, dengan merealisasikan usaha tersebut, Labuan mampu menjana pendapatan sehingga RM50 juta setahun.

"Ekonomi Wilayah Persekutuan Labuan juga mampu dijana sehingga mencecah RM159 juta maksima bagi tahun ketiga," katanya.